

1,053 pegawai kastam ke AKPS setakat 1 Oktober lalu

Putrajaya: Seramai 1,053 pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dipindahkan ke Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di 22 pintu masuk negara setakat 1 Oktober 2025.

Peralihan itu membabitkan pindah butiran waran penjawatan pegawai JKDM ke AKPS, sekali gus memberi cabaran dari aspek peralihan sumber manusia kepada jabatan berke-naan.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, walaupun berdepan cabaran kekurangan pegawai, JKDM masih mampu mengekalkan prestasi kutipan hasil yang baik melalui penambahbaikan proses kerja, penyusunan operasi dan penggunaan teknologi.

"Seiring dengan pendekatan pengoptimuman tersebut, pelaksanaan agenda pendigitalan, termasuk penggunaan sistem MyCIEDS di seluruh negara sepanjang tahun 2025 telah memperkukuh pengurusan risiko, pemantauan pematuhan serta analisis data perdagangan.

"Pendekatan ini membolehkan proses kerja dilaksanakan secara lebih cekap, bersepadu dan berasaskan risiko," katanya kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM, di sini, semalam.

Dalam konteks sama, beliau berkata, JKDM turut mengaplikasikan pende-



ANIS Rizana

kan penggunaan teknologi dan kepakaran pegawai bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas di lapangan.

"Selain itu, JKDM turut mengaplikasikan pendekatan bersepadu yang menggabungkan kecerdasan manusia (HI) dan kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan, ketepatan serta keberkesanan pelaksanaan tugas di lapangan," katanya.

Menurutnya, pendekatan terbabit keputusan operasi dibuat berasaskan data dan risiko di samping memanfaatkan pengalaman serta penilaian profesional pegawai JKDM.

Katanya, pendekatan berteraskan teknologi itu turut diperkukuh melalui pembangunan keupayaan insan menerusi pelaksanaan inisiatif latihan kepada pegawai Kastam.

"Pendekatan berteraskan teknologi ini seterusnya diperkukuh melalui pembangunan keupayaan insan, antaranya menerusi pelaksanaan inisiatif Neuro-Linguistic Program-

"Sepanjang tahun 2025, program ini telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan seramai 65 orang pegawai daripada pelbagai gred," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anis berkata, JKDM turut memperkasa keupayaan operasi dan penguatkuasaan melalui perolehan aset serta pelaksanaan langkah kawalan pintu masuk negara.

"JKDM turut melangkah ke hadapan dalam agenda transformasi digital melalui perolehan sebanyak 134 unit mesin pengimbas moden berkeupayaan tinggi yang dilengkapi teknologi AI.

"Dalam usaha memperkasakan penguatkuasaan di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang,

Selangor, JKDM telah melaksanakan pemeriksaan 100 peratus ke atas dagangan import dan eksport bermula 15 November 2023 dengan memanfaatkan teknologi pengimbasan berasaskan AI," katanya.

Katanya, langkah strategik ini bertujuan memastikan pematuhan undang-undang serta mencegah kemasukan barangan terlarang.

"Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh integriti sistem perdagangan, tetapi juga memastikan kelancaran logistik sekali gus menjadikan Malaysia sebuah hab perdagangan global yang selamat, telus dan kompetitif," ka-